

# Ujian dasar sosial pada keberkesannya

Swee Keat: Ini yang sering ditekankan oleh Encik Lee

MENDIANG Perdana Menteri Pengasas Encik Lee Kuan Yew mempunyai satu ujian utama bagi dasar sosial dan lain-lain dasar, kata Menteri Pendidikan, Encik Heng Swee Keat (*gambar*), semalam.

“Ia adalah: Terdapat pandangan yang berbeza tetapi yang paling penting, ujian bagi setiap dasar itu ialah, ‘adakah ia berkesan?’

“Kita perlu berdasarkan bukti, bukan dok-

trin,” kata Encik Heng yang pernah menjadi setiausaha peribadi utama mendiang Encik Lee dari 1997 hingga 2001.

Dasar sosial Singapura perlu mempunyai sasaran bagi memperbaiki kebajikan rakyatnya, membina sebuah masyarakat yang adil dan saksama untuk semua, dan sebuah tempat yang menjadi kebanggaan semua untuk cintai dan lindungi, kata Encik Heng di pelancaran sebuah buku



berjudul *50 Years of Social Issues in Singapore*.

Dan cara terbaik melakukannya, tambah beliau, ialah “dengan bersandarkan bukti, kaya dengan nilai serta fokus terhadap masa depan” semasa menganalisis isu sosial.

Perspektif tersebut turut diketengahkan editor buku itu, Profesor David Chan, daripada bidang

Sains Tingkah Laku di Universiti Pengurusan Singapura (SMU), kata Encik Heng lagi di pelancaran buku itu.

Buku terbitan World Scientific itu merupakan satu kompilasi 16 esei dengan antara topiknya termasuk perkahwinan dan keibubapaan; keharmonian bangsa dan agama; masyarakat sivil dan kesukarelawanan.

Turut dilancarkan di acara yang diadakan di SMU itu ialah buku berjudul *People Matter* yang merupakan satu siri esei mengenai isu sosio-ekonomi dan politik setempat oleh Profesor Chan.

Semasa berucap, Encik Heng juga berkata bahawa penyelidikan Sains Sosial boleh terus menyumbang kepada perbincangan isu sosial di Singapura bagi tempoh 50 tahun selanjutnya.

Beliau menambah:

“Saya harap sedang kita semua bekerjasama membentuk Singapura bagi tempoh 50 tahun akan datang, kita juga akan dibimbing dengan semangat yang tidak mudah luntur, bijak, bertanggungjawab dan menyumbang khidmat kepada Singapura yang telah mendorong Encik Lee dan para pemimpin generasi perintis.”